




الجامعة الإسلامية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Sarawak
Kampus Mukah



Inou Dengah UiTM Mukah?

5th Issue | VOLUME 1 : JULY 2026

UiTM *di hatiku*

BULLETIN



EDITORIAL BOARD

MEET THE TEAM

**PROFESSOR DR.
FIRDAUS
ABDULLAH**
Patron



**DR. ABDUL JABBAR
ABDULLAH**
Advisor

**MS. SITI FARIDAH
KAMARUDDIN**
Chief Editor



**MS. STEFANIE NATASHA
RICH JOSEPH**
MS. FAKHIRA JAFRI
MS. CINDY ROBERT
MRS. NUR NADIA QAUSAR JUHARI
MS. SHIRLEY CLARE JERI
Editors



**MR. MUHAMMAD
ANAS ABDUL
RAZAK**
Records & Archives



MRS. IRENE SELUROH
Layout & Design
MR. SHILEYUSKEN MIJEN
Webmaster
**MR. ANAS ASRAWY
PENDAPAT**
Photographer



**MR. ERICKSON GRAVESENT
MUZIDI**
Internship Trainee



Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026

NEWS AND ARTICLES

Majlis Apresiasi Pelajar PPSPA Rai Kecemerlangan dan Komitmen Mahasiswa

Penulis: Muhamad Nasarudin Sulaiman, Ros Anizah Mi'ad, Sharifah Raina Manaf, Arif Azizi Che Harun dan Nurul Hidayah Mohd Khairlani

Pada 3 Januari 2026, Dewan Sri Balau, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, diserikan lagi dengan penganjuran Majlis Apresiasi Pelajar Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi yang berlangsung dalam suasana penuh meriah dan bermakna yang bertemakan kisah zaman dahulu iaitu Melayu Klasik. Majlis tersebut dianjurkan secara bersama oleh tiga persatuan pelajar di bawah Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi (PPSPA) iaitu D'Planters' Guild, D'Herbalist dan D'Aquarions sebagai tanda penghargaan terhadap komitmen, pencapaian serta penglibatan aktif pelajar sepanjang semester.

Program ini bertujuan mengiktiraf kecemerlangan pelajar bukan sahaja dalam bidang akademik, malah dalam aspek kepimpinan, kokurikulum, kesukarelawanan dan pembangunan sahsiah diri. Majlis turut menjadi platform untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara pelajar, pensyarah dan warga PPSPA dalam suasana yang lebih santai dan harmoni. Seramai 243 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Diploma Teknologi Pengeluaran Herba (AT122), Diploma Teknologi Akuakultur (AT127), Diploma Pengurusan Ladang (AT110), Diploma Pengurusan Industri Perladangan (AT120) dan Pra-Diploma Agroteknologi (AT001/ AT002) telah hadir memeriahkan majlis ini. Majlis turut mendapat sambutan menggalakkan daripada warga kampus dengan kehadiran pensyarah serta pengurusan tertinggi kampus yang bersama-sama menyeronokkan lagi acara tersebut.

Pelbagai pengisian menarik telah diadakan sepanjang majlis termasuk penyampaian sijil dekan dan anugerah khas kepada pelajar terpilih, persembahan tarian dan nyanyian, tayangan montaj aktiviti pelajar serta sesi penghargaan kepada pelajar semester akhir yang bakal bergraduasi. Seorang penerima anugerah menyifatkan penghargaan tersebut sebagai satu pengiktirafan yang amat bermakna. "Majlis seperti ini memberi motivasi kepada kami untuk terus aktif dan memberikan yang terbaik dalam akademik serta aktiviti pelajar," ujarnya.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Dr. Abdul Jabbar Abdullah, Penolong Rektor UiTM Kampus Mukah yang merupakan tetamu jemputan dalam majlis ini. Jamuan makan malam yang disajikan menambahkan lagi kemeriahan acara dan sesi fotografi bersama semua warga yang hadir menjadi penutup kepada majlis ini.

Secara keseluruhannya, penganjuran Majlis Apresiasi Pelajar Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi 2026 berjaya mencapai objektifnya dalam menghargai sumbangan pelajar dan menyemarakkan budaya kecemerlangan dalam kalangan mahasiswa UiTM Kampus Mukah.



Penyampaian cenderahati daripada Dr. Sharifah Raina binti Manaf kepada tetamu jemputan yang hadir



Sesi bergambar bersama tetamu jemputan, pensyarah dan semua pelajar Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 7 July 2026



Telephone/Fax

084-876100/084-876300



Email Address

korporat_swk@uitm.edu.my



Website

<https://sarawak.uitm.edu.my/>



Address

**Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Sarawak Kampus Mukah,
KM 7.5 Jalan Oya,
96400 Mukah, Sarawak.**

